



**TEKS UCAPAN  
YB. MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS)**

**PROGRAM PENYERAHAN SURAT TANDATANGAN  
#ONLY200TIGERSLEFT OLEH THE BODY SHOP  
KEPADA YB MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR**

**16 JULAI 2019**

---

**YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,**  
Timbalan Menteri,  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)

**YBHG. DATUK ZURINAH PAWANTEH,**  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)

**YBHG. DATIN MINA CHEAH-FOONG,**  
Pengarah Urusan,  
The Body Shop

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Jabatan

Tuan/ Puan sekalian.

Selamat Petang dan Salam Sejahtera kepada semua.

Hadirin sekalian,

1. Hari ini merupakan hari yang sangat bersejarah dan kita bersyukur kerana dapat berkumpul dalam acara yang penting ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kepada YBhg. Datin Mina Cheah-Foong, Pengarah Urusan, The Body Shop dan kakitangan-kakitangan The Body Shop yang sudi hadir pada petang ini.
2. KATS amat berbesar hati kerana ada Badan Korporat seperti The Body Shop yang sangat prihatin dalam menyokong usaha KATS. Syarikat The Body Shop telah menunjukkan satu contoh yang baik dan sewajarnya diikuti oleh Badan Korporat yang lain. Syarikat The Body Shop juga telah membawa satu imej yang positif di peringkat antarabangsa khususnya dalam menggalakkan penglibatan masyarakat awam.
3. Saya difahamkan pihak The Body Shop telah mewujudkan satu petisyen khas #Only200TigersLeft bermula 8 April 2019 yang membawa hasrat agar pihak Kerajaan menimbangkan penyediaan anggota daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membantu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dalam mempertingkatkan rondaan penguatkuasaan di kawasan-kawasan perlindungan (protected areas - PA) di Semenanjung Malaysia ini.
4. Kerajaan sememangnya memerlukan sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak bagi meningkatkan rondaan penguatkuasaan di kawasan perlindungan sedia ada. Berdasarkan rekod pada tahun 2013 hingga 2018, terdapat peningkatan jumlah

tangkapan kes pencerobohan kawasan perlindungan dan pemburuan haram yang melibatkan seramai 98 orang warga tempatan dan 64 orang warga asing. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 3,500 jerat telah dimusnahkan.

5. Buat masa ini, Jabatan PERHILITAN telah mengambil inisiatif melaksanakan Ops Belang atau *boots on the ground* bagi mengawal pencerobohan dan pemburuan haram di kawasan-kawasan perlindungan.
6. Bermula pada Januari 2019, Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan sebanyak 162 operasi yang melibatkan rondaan kawasan seluas 96,661 km. Dalam tempoh tersebut, Jabatan PERHILITAN telah menemui sebanyak 491 tapak khemah haram dan telah menghapuskan sebanyak 306 jerat. Jabatan PERHILITAN juga telah berjaya menangkap seramai 21 orang pemburu haram sepanjang operasi ini, yang terdiri daripada 10 orang warga tempatan dan 11 orang warga asing.
7. Bagi meningkatkan usaha memulihara Harimau Malaya, Kerajaan menyeru Rakyat Malaysia untuk bersama-sama menyalurkan sumbangan ke Tabung Amanah Selamatkan Harimau Malaya. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan sokongan, bantuan dan sumbangan daripada Badan Korporat.
8. Kerjasama erat pelbagai pihak dalam menyokong usaha menyelamatkan Harimau Malaya menjadi tonggak dalam memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya. Usaha ini juga akan mengekalkan reputasi negara sebagai salah satu negara yang kaya dengan kepelbagaian sumber biologi di dunia. Marilah kita

bersama pastikan Harimau Malaya tidak pupus dan terus menjadi simbol kebanggaan kita pada Jata Negara.

Sekian, terima kasih.